

Antarabangsa

13 Pelajar ICSZ berkampung di Perlis



SERAMAI 13 pelajar Inter Community School Zurich (ICSZ) berkampung di Perlis dan beberapa lokasi terpilih di Malaysia bagi menjayakan program Ekspedisi Kesedaran Budaya ke Malaysia yang berlangsung sejak 5 hingga 24 Jun ini.

Program yang berkonsepkan 'pelancongan akademik dan budaya' itu adalah cetusan inspirasi Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang kemudiannya dilangsungkan ke pihak universiti untuk dijayakan. Ia merupakan kesinambungan program kali pertama yang dianjurkan pada tahun 2006.

Menerusi program ini, kesemua pelajar yang terlibat itu akan mengikuti beberapa aktiviti menarik yang disediakan oleh pihak sekretariat yang mana kesemua aktiviti tersebut akan mendedahkan mereka kepada mendedahkan dengan budaya dan adat masyarakat Malaysia.

Salah satu program lain ialah program anak angkat. Setiap peserta telah ditetapkan mengikut kesesuaian yang dipilih oleh mereka sendiri untuk diserahkan kepada keluarga angkat masing-masing yang merupakan kakitangan UniMAP sendiri termasuk Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Profesor Dr. Kamarudin Hussin dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Prof. Madya Zaliman Sauli, En. Mustaffa Ismail, En. Nor Azmi Haji Johari, En. Nasrudin Abd Shukor dan Kol. (B) Umar Hamzah Zamhari Mohd Nasir.

Di dalam program bersama keluarga angkat ini selama 3 hari 2 malam, mereka didedahkan dengan cara hidup, memperkenalkan masakan Malaysia, budaya dan mereka kemudiannya didedahkan dengan masakan tradisional Malaysia antaranya proses penyediaan nasi goreng, sate, roti jala selain turut dibawa melawat sawah padi, kebun getah dan ladang tebu serta rumah-rumah tradisional di Perlis. Tidak ketinggalan, kumpulan delegasi pelajar ICSZ itu turut dibawa menghadiri majlis perkahwinan orang Melayu untuk mendedahkan mereka dengan adat istiadat perkahwinan masyarakat Melayu di Malaysia.

Selain itu, kumpulan ini turut menjadi tetamu istimewa Diraja melalui jemputan santapan malam di Istana Arau selain turut berpeluang melawat persekitaran istana antaranya galeri diraja. Kumpulan ini seterusnya dibawa melawat sekitar kampus UniMAP di seluruh negeri Perlis yang berkonsepkan kampus teragih yang rata-ratanya banyak dilaksanakan oleh institusi pengajian di luar negara.

Program di Perlis turut membabitkan aktiviti riadah antaranya, boling, tarian dan senamrobik poco-poco, eksplorasi gua, jungle tracking dan dibawa menikmati keindahan alam semulajadi di kawasan air terjun.

Turut diselitkan dalam aturcara lawatan delegasi ialah aktiviti kemasyarakatan iaitu kunjungan ke Rumah Seri Kenangan, Kompleks Penyayang yang menempatkan orang-orang tua selain turut dibawa ke rumah anak-anak yatim Yayasan Saad.

Ternyata kunjungan ini memberi seribu pengalaman kepada delegasi ICSZ yang kebanyakannya baru pertama kali terlibat dengan aktiviti sedemikian. Kunjungan kumpulan ini kemudiannya diteruskan dengan aktiviti membantu penjaja pasar malam di Stadium Kangar yang merupakan salah satu program interaksi bersama masyarakat setempat.

Delegasi ICSZ ini seterusnya dibawa melawat ke beberapa lokasi menarik di seluruh Malaysia iaitu Pulau Langkawi, Pulau Pinang, Melaka, Kuala Lumpur, Genting Highlands dan Putrajaya sebelum berlepas pulang ke Switzerland pada 24 Jun.